



**HASHIMI (enam dari kanan) bersama penerima sumbangan di Masjid Al Faizin di Seksyen 28, Shah Alam semalam.**

## Gas Malaysia peruntukkan RM2 juta bantu asnaf

**SHAH ALAM** – Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) memperuntukkan sebanyak RM2 juta melalui wakalah zakat bagi membantu golongan asnaf yang memerlukan setiap tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia, Hashimi Abdul Manap berkata, pihaknya turut memperuntukkan RM1 juta untuk program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu golongan yang terjejas aki-

bat bencana alam seperti banjir.

"Pada program hari ini (semalam) contohnya kita menyampaikan bantuan di bawah CSR berupa barang keperluan asas seperti beras, gula pasir, tepung gandum, rempah ratus dan lain-lain.

"Seramai 250 orang dalam kalangan asnaf yang kita dapatkan data daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima bantuan itu hari ini," katanya.

pada majlis penyampaian sumbangan di Masjid Al Faizin, Seksyen 28, di sini semalam.

Tambahnya, Gas Malaysia yang juga ahli Kumpulan MMC sentiasa prihatin dengan golongan masyarakat yang memerlukan terutama dalam kalangan asnaf.

"Gas Malaysia akan terus memberi sumbangan bagi memperkasakan masyarakat setempat," katanya.